

Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini Agenzi Kelayakan Malaysia (MQA)

Penggunaan *Guidelines for Industrial Verification of Curriculum (GIVC)*
[Pekeliling MQA Bil. 1/2024 bertarikh 27 Februari 2024]

Ringkasan ketetapan

- MQA telah membangunkan GIVC sebagai panduan dan rujukan kepada PPT dan Penyedia TVET. Dokumen ini menggariskan panduan dan mekanisme yang lebih berstruktur dalam mencapai standard kualiti berkaitan aktiviti melibatkan pihak industri yang telah ditetapkan dalam Kod Amalan Akreditasi Program MQA.
- Dokumen GIVC ini perlu dibaca bersama dengan dokumen Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*), Kod Amalan Akreditasi Program MQA, standard, dasar dan ketetapan jaminan kualiti pendidikan tinggi semasa. Walau bagaimanapun, UPM boleh menggunakan pendekatan atau alternatif yang bersesuai bagi tujuan verifikasi oleh industri selaras dengan Kod Amalan Program yang berkaitan.
- Komponen yang terkandung di dalam GIVC adalah seperti berikut:
 - 1 : *Introduction*
 - 2 : *Background*
 - 3 : *Verification Process*

Step 1: Determine the goal and objectives of the programme
Step 2: Identify sources
Step 3: Identify and verify the requirements and specifications
Step 4: Map to the curriculum and verify the mapping
- 4 : *Conclusion*

- Dokumen GIVC boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

Tindakan di peringkat UPM

- Semua Fakulti/Sekolah berkaitan perlu merujuk kepada dokumen GIVC untuk proses pembangunan atau semakan semula program bagi memastikan keperluan akreditasi atau program standard yang melibatkan industri ataupun piawaian industri dipatuhi.

Disediakan oleh:

Pusat Jaminan Kualiti (CQA)

Universiti Putra Malaysia

17 Mei 2024